

Berita ringkas Bernama : 11 Ogos



11/08/2022 06:18 PM

LEBIH BANYAK PELUANG PEKERJAAN SETELAH PELANCARAN JENAMA M'ROS DAN MOU BENTONG GINGER-HONEY

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) – Lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor akuakultur dan pertanian akan dapat diwujudkan selepas pelancaran rasmi stok induk udang air tawar gergasi Malaysia jenama M'Ros oleh syarikat BioNexus Status GK Aqua Sdn Bhd (GK Aqua) dan pemeteraian Memorandum persefahaman (MoU) antara Tamara Nanoetech dan Nahrlich Honey Resources dalam perusahaan halia-madu Bentong.

Pengerusi Bioeconomy Corporation, Senator Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid dalam satu kenyataan berkata kerjasama dan pelancaran sedemikian akan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan teknologi untuk mewujudkan ekosistem yang lebih mampan dalam kedua-dua sektor.

Majlis pelancaran itu disaksikan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS).

Pelancaran jenama M'Ros akan membolehkan penghasilan sumber induk yang bebas penyakit dan dihasilkan secara mampan, bekalan yang berkualiti serta kadar pertumbuhan dan kitaran penuaian larva gergasi udang air tawar dengan lebih cepat.

MoU antara Tamara Nanoetech dan Nahrlich Honey Resources pula memberi tumpuan untuk membangunkan bersama dan memasarkan produk tambah nilai produk halia madu Bentong yang dijangka dapat mengurangkan import halia dan meningkatkan nisbah sara diri (SSR) untuk halia di Malaysia, yang kini berada pada 18.9 peratus.